Inflasi: Dua tahun selepas pandemik

1 Sepanjang dua tahun lepas, perkembangan harga pengguna beralih daripada disinflasi kepada inflasi

Rajah 1: Inflasi keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan penilaian Bank Negara Malaysia

2 Terutamanya, pandemik COVID-19 mendorong kepada perubahan dinamik permintaan dan penawaran

Rajah 2: Kejutan ekonomi daripada pandemik

Kejutan permintaan	▼ Kawalan pergerakan ▼ Kehilangan pekerjaan dan pendapatan ▲ Permintaan terpendam susulan pembukaan semula ekonomi Malaysia ▲ Sokongan dasar berkaitan dengan pandemik
Kejutan bekalan	▲ Gangguan rantaian bekalan global dan kekurangan input diimport ▲ Penutupan pelabuhan dan kos pengangkutan lebih tinggi ▲ Kos Prosedur Operasi Standard pandemik

Petunjuk:

▲ Kesan menaik kepada inflasi
▼ Kesan menurun kepada inflasi

Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia

3 Pada tahun 2020-2021, dinamik inflasi sebahagian besarnya didorong oleh perkembangan pandemik. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, tekanan inflasi mula dicatatkan dalam kebanyakan item IHP justeru menunjukkan faktor selain pandemik telah menjadi lebih ketara dalam mendorong inflasi

Rajah 3: Inflasi mengikut sensitiviti terhadap pandemik

Kaedah inflasi sensitif-COVID secara ringkas (untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021: Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan):

1. Item IHP diklasifikasikan kepada dua kategori: Item yang secara statistik sensitif kepada kejutan pandemik (sensitif-COVID) dan item yang tidak sensitif kepada kejutan tersebut (tidak sensitif-COVID)
2. Dalam kalangan item yang sensitif-COVID, terdapat beberapa item yang menghadapi tekanan menurun ke atas harga (terkesan secara negatif) manakala item lain menghadapi tekanan menaik (terkesan secara positif)
3. Bagi hanya mencerminkan kejutan pandemik, statistik ini tidak mengambil kira item yang harganya ditadbir dan item yang terjejas akibat musim tengkujuh yang teruk pada tahun 2021.



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

4 **Perubahan keadaan ini mencerminkan kejutan tambahan, yang bertepatan dengan permintaan terpendam berikutan pembukaan semula ekonomi dan pemulihan umum dalam kegiatan ekonomi**

Rajah 4 dan 5: Penunjuk permintaan dalam negeri dan kegiatan ekonomi

Kejutan tambahan pada tahun 2022 termasuk konflik ketenteraan di Ukraine dan kemarau di negara-negara pengeksport komoditi manakala di dalam negeri pula, kesan penamatan langkah-langkah pembendungan COVID-19 serta beberapa langkah dasar, termasuk kajian semula upah minimum dan pengeluaran khas EPF.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Nota: Rajah ini menunjukkan perubahan bilangan pelanggan (atau masa yang diluangkan) di tempat yang dikategorikan berbanding dengan tempoh asas (Jan - Feb 2020)

Sumber: Laporan Mobiliti Google

5 **Akibatnya, tekanan inflasi merebak kepada kebanyakan barangan IHP, terutamanya bagi makanan. Namun begitu, terdapat tanda-tanda tekanan harga menjadi sederhana selepas setahun inflasi meningkat**

Rajah 6: Perubahan harga bulanan bagi barangan IHP (% daripada bakul IHP)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 7: Inflasi berdasarkan kategori



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia

6 **Dasar monetari dilaraskan secara beransur-ansur sepanjang 2022 berikutan ekonomi pulih lebih kukuh dan dalam keadaan terdapatnya tanda-tanda inflasi yang didorong oleh permintaan**

Rajah 9: Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

7 **Peranan dasar monetari adalah untuk mengekalkan kestabilan harga yang kondusif untuk pertumbuhan mampan. Kestabilan ini seterusnya memastikan kuasa beli terpelihara**

Rajah 8: Ilustrasi transmisi dasar monetari



Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia

8 **Inflasi yang lebih tinggi dalam tempoh dua tahun lepas memberikan kesan kepada semua rakyat Malaysia. Isi rumah berpendapatan rendah paling terjejas, berikutan perbelanjaan mereka yang lebih tinggi untuk makanan**

Rajah 10: Perbelanjaan untuk Makanan (termasuk Makanan di Luar Rumah)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

9 **Langkah-langkah jangka pendek telah membantu meringankan sebahagian daripada beban, tetapi bukan pengganti kepada pembaharuan struktur untuk mewujudkan pekerjaan bergaji lebih tinggi dan menambah baik perlindungan sosial**

Rajah 11: Dasar untuk menangani kos sara hidup yang tinggi

Langkah jangka pendek

- Kawalan harga dan subsidi untuk barangan keperluan penting (contohnya ayam segar, bahan api dan elektrik)
- Bantuan tunai untuk isi rumah yang mudah terjejas

Langkah jangka panjang

- **Penambahbaikan jaringan keselamatan sosial**[1]
- **Program pasaran buruh aktif** melalui inisiatif latihan semula dan peningkatan kemahiran untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti
- **Menambah baik sekuriti makanan**[2]

1/ Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana Visi Perlindungan Sosial di Malaysia dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2020.
2/ Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana Mengecilkan Jurang Makanan: Peranan Penambahbaikan Struktur dalam Sektor Agromakanan dalam Buletin Suku Tahunan BNM S3 2021.

Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia